

20 MAY 2003

Citrawarna-Sambutan

SAMBUTAN BULAN CITRAWARNA BERMULA SABTU

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Sambutan Bulan Citrawarna Malaysia tahun ini yang bermula Sabtu ini hingga 27 Jun membolehkan pelancong asing melihat sendiri Malaysia selamat daripada ancaman Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan serangan penganas.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata menerusi sambutan seperti itu, ia membuktikan bahawa urusan harian di negara ini berjalan seperti biasa dan negara tidak menghadapi masalah SARS dan ancaman penganas.

"Sambutan Bulan Citrawarna Malaysia berupa tarikan utama bagi menggalakkan kedatangan pelancong asing di samping menggerakkan aktiviti pelancongan domestik," kata Abdul Kadir pada persidangan media mengenai acara sambutan bulan itu, di sini hari ini.

Beliau berkata Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail akan merasmikan sambutan itu pada pukul 8.30 malam di Dataran Merdeka, di sini.

Raja Permaisuri Agung Tuanku Fauziah Abdul Rashid akan turut berangkat selain kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timblana Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Endon Mahmood, menteri-menteri kabinet, duta-duta dan pelancong luar.

Abdul Kadir berkata penutupan sambutan itu pula akan berlangsung di Taman Darul Aman, Jitra, Kedah pada 27 Jun yang dijangka ditutup secara rasmi oleh Sultan Kedah.

Malaysia bebas daripada wabak SARS yang melanda dunia sekarang kerana kes-kes yang dikesan bukan berpunca dari dalam negara.

Malaysia juga bebas daripada ancaman penganas walaupun negara seperti Amerika Syarikat dan Jerman telah mengeluarkan amaran perjalanan kepada rakyat mereka supaya tidak mengunjungi Malaysia.

Abdul Kadir berkata Perarakan Citrawarna Malaysia di Dataran Merdeka akan dimulakan dengan Perarakan Diraja yang menggunakan kereta berhias berbentuk Balai Rong Seri Diraja.

Perarakan yang bertemakan Gerak dan Irama sejauh kira-kira 1.5 km itu akan bermula dari Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, melalui Jalan Raja Laut, Jalan Esfahan, Jalan Tuanku Abdula Rahman dan berakhir di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad, katanya.

Beliau berkata perarakan diraja itu akan diiringi oleh sebanyak 1,350 peserta yang terdiri daripada panglima, pembawa tepak sireh, pembawa bunga mas, payung diraja dan bunga manggar.

Katanya perarakan itu secara keseluruhan melibatkan kira-kira 6,000 peserta yang terdiri daripada kumpulan kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum.

Abdul Kadir berkata pada majlis pelancaran, kira-kira 1,000 tetamu jemputan khas yang terdiri daripada pengusaha pelancongan luar dan lebih 30 buah stesen televisyen asing yang diharapkan dapat memberi publisti pelancongan Malaysia kepada rakyat negara luar.

Beliau berkata sempena sambutan itu, sebanyak 57 pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian telah disusun untuk disambut di seluruh negara.

Ini termasuk perarakan dan karnival budaya di hadapan Wisma Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan pada sebelah malam 7 Jun dan persembahan oleh kira-kira 2,000 pesilat dari Kelantan pada 13 Jun, katanya.

-- BERNAMA
HM KHY LAT